

25/03/2000

Kesan pencalonan Kubang Pasu, Kepala Batas

Kadir Dikoh

MESYUARAT perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Kedah, Khamis depan menjadi tumpuan kerana ia akan membuat pencalonan bagi pemilihan dalam parti Mei ini, buat kali pertama dalam tempoh hampir dua dekad.

Bahagian yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak beliau memegang jawatan Perdana Menteri pada 1982 - akan membuat pencalonan untuk semua jawatan dipilih iaitu Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Presiden, Timbalan Presiden, tiga Naib Presiden dan 25 ahli Majlis Tertinggi (MT).

Perhatian dijangka tertumpu kepada bentuk pencalonan untuk tiga jawatan Naib Presiden yang dianggap oleh pemerhati boleh mempengaruhi pencalonan oleh bahagian lain yang mengadakan mesyuarat selepas 30 Mac ini dan aliran pengundian pada pemilihan sebenar 11 Mei nanti.

"Sesiapa saja yang dinamakan oleh bahagian Kubang Pasu untuk tiga jawatan Naib Presiden, akan pasti menonjolkan imej serta menaikkan "markah" calon terbabit. Malah susunan nombor calon juga menarik perhatian. Begitu juga bagi calon MT," kata pemerhati.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dijangka memberi kebebasan penuh kepada perwakilan di Kubang Pasu untuk membuat pilihan sendiri bagi mengelak sebarang spekulasi 'calon pilihan Presiden Umno'.

"Hakikatnya, dalam Umno, kebanyakan keputusan yang dibuat, lazimnya dikaitkan kepada perspektif Presiden. Oleh itu, sesiapa saja yang dicalonkan oleh bahagian Kubang Pasu, akan dikaitkan sebagai calon yang diperakui Dr Mahathir.

"Lebih daripada itu, orang akan menganggap calon pertama disenaraikan bagi tiga jawatan Naib Presiden, sebagai pilihan Dr Mahathir untuk persediaan membantu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam parti dan kerajaan apabila tiba masanya beliau mengundurkan diri nanti.

"Ini bagaikan satu petunjuk dan nasihat tidak rasmi kepada ahli Umno mengenai hala tuju kepemimpinan dalam parti. Dalam keadaan yang belum ada kepastian, petunjuk seperti ini amat perlu sebagai panduan," kata pemerhati.

Berdasarkan pencalonan untuk jawatan Naib Presiden daripada bahagian yang sudah bermesyuarat setakat ini, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak masih mendahului diikuti Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Tidak berapa lama sebelum ini, Dr Mahathir yang pernah menyatakan bahawa penggal sekarang adalah yang terakhir baginya, beberapa kali menyebut Abdullah sebagai pengantinya apabila beliau mengundurkan diri.

Berikutan itu juga, perbincangan tertumpu kepada tokoh yang boleh membantu Abdullah dalam kepemimpinan parti apabila tiba masanya nanti. Namun, ada pemerhati percaya orang yang akan membuat 'pilihan' itu nanti adalah Abdullah sendiri bagi mencari penggantinya, bukan Dr Mahathir.

Sementara itu, Umno bahagian Kepala Batas yang diketuai Abdullah akan mengadakan mesyuarat perwakilan Ahad ini. Seperti juga Kubang Pasu, pencalonan oleh bahagian itu, dijangka turut menarik perhatian.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden tetapi turut menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden itu, juga dijangka memberi kebebasan kepada perwakilan untuk membuat pilihan.

"Seperti juga Dr Mahathir, Abdullah tidak dapat mengelak daripada pelbagai tanggapan apabila bahagiannya menamakan calon terutama bagi jawatan Naib Presiden," kata seorang penganalisis politik.

Baru-baru ini, Abdullah ketika ditanya pemberita mengenai kemungkinan pencalonan oleh bahagiannya dan Kubang Pasu ditafsirkan dengan pelbagai andaian berkata, perkara itu tidak boleh dielakkan.

"Apa yang kita buat pun akan ditafsirkan oleh pelbagai pihak. Itu tak boleh dielak. Kita mengikut kehendak ahli. Mereka yang tahu membuat pilihan dan tahu apakah kepentingan Umno serta bagaimana ia dapat dipelihara dengan memastikan barisan kepemimpinan yang dipilih itu berwibawa dan boleh memimpin," katanya.

Abdullah juga berkata, jika berlaku persamaan pencalonan terutama bagi jawatan Naib Presiden oleh bahagiannya dan Kubang Pasu, ia adalah kebetulan "kerana saya tidak ada muafakat dengan Perdana Menteri (dalam hal pencalonan)."

(END)